

**21/03/2015 - Majlis Penutupan Pertandingan Boling Piala KSN 2015 Anjuran
Puspanita Kebangsaan**

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

Selamat petang, Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg Puan Sri Datuk Rohani binti Abdullah,

Yang Di Pertua PUSPANITA,

YBhg Dato' Seri Zainal Rahim Seman

Presiden PPTD Malaysia,

YBhg Datuk Seri Othman Mahmood

Presiden Kelab Bukit Perdana,

En Alias Marjo

Yang Di Pertua Kelab Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Ahli-ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA,

Ahli-ahli Jawatankuasa dan Ahli-ahli PUSPANITA,

Ahli-ahli PPTD, Kelab Bukit Perdana dan Kelab Sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Pegawai-pegawai kanan dan seterusnya para peserta Perlawanan Boling Piala KSN.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya dapat kita berkumpul bagi menjayakan

Pertandingan Boling Piala KSN anjuran PUSPANITA Kebangsaan, PPTD, Kelab Bukit Perdana dan Kelab Sukan DBKL.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan semua pemain yang turut serta dalam pertandingan yang diadakan pada hari ini. Saya amat menghargai penglibatan semua hadirin yang datang dari seluruh Malaysia dalam menjayakan pertandingan ini. Ia dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan ahli PUSPANITA, PPTD, Kelab Bukit Perdana, Kelab Sukan DBKL, sejajar dengan usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang bukan sahaja berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan, malah aktif dalam aktiviti sukan dan riadah. Syabas saya ucapkan kepada semua.

3. Saya sentiasa menyokong penuh ke arah usaha-usaha dalam menggerakkan aktiviti berbentuk sukan, pertandingan dan kecergasan terutamanya di kalangan penjawat awam. Sumber tenaga manusia atau modal insan ini adalah merupakan aset penting yang perlu diberikan penekanan supaya ia akan lebih produktif, inovatif, berkeupayaan serta mempunyai ketahanan jati diri yang tinggi. Ini seterusnya menyumbang kepada pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan berkesan serta dapat memenuhi ekspektasi pelanggan.

4. Sehubungan ini, saya menyarankan supaya penganjur dan semua peserta terus mengaktifkan diri dalam apa jua aktiviti berbentuk kecergasan, bukan hanya dalam kejohanan sukan sahaja tetapi menjadikan sebagai amalan harian dalam menjaga serta meningkatkan lagi kesihatan diri kita. Saya difahamkan pada keesokan hari, PUSPANITA akan menganjurkan Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA di PUSPANITAPURI, Putrajaya yang akan melibatkan 1000 orang peserta dengan pertandingan futsal, bola jaring, aerobik-ton dan sebagainya. Ini merupakan salah satu contoh program yang wajar dilaksanakan setiap tahun, bukan sahaja untuk meningkatkan semangat kesukanan, malah ianya memberi peluang kepada ahli-ahli keluarga dan masyarakat setempat untuk mengeratkan silaturrahim. Jika dalam program-program kerajaan, pendekatan Strategi Lautan

Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy) digalakkan untuk memecahkan benteng silo atau mengukuhkan hubungan kerjasama sesama kementerian dan agensi kerajaan, maka pertandingan seumpama pada hari ini juga menepati konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Bagi yang akan bertanding esok, saya ucapkan good luck dan selamat bertanding.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Berbalik kepada kejohanan ini, saya ingin mengingatkan di sini, dalam kesibukan kita bertanding, sentiasalah kita menyedari bahawa dalam sesuatu pertandingan, kemenangan atau kekalahan bukanlah faktor untuk menentukan kualiti sesebuah pasukan. Pasukan yang berkualiti dan baik itu adalah pasukan yang sentiasa menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi, bersatu padu, bertoleransi, boleh menerima kekalahan serta meraikan kemenangan yang tidak keterlaluan. Saya dimaklumkan pertandingan bowling ini telah berjalan dalam suasana yang meriah dan ceria berlandaskan semangat kesukanan yang tinggi.

6. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ingin saya ucapkan kepada semua yang terlibat terutama PUSPANITA, PPTD, Kelab Bukit Perdana dan Kelab Sukan DBKL di atas penganjuran pertandingan Boling Piala KSN 2015 ini dengan penuh jayanya. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan-pasukan yang menang dan kepada yang tidak berjaya, jangan putus asa dan berusaha lagi pada tahun hadapan.

7. Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya merasmikan penutupan Pertandingan Boling Piala KSN tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh